



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 11 MEI 2023


BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	MAT SABU UMUM 5 PENERUSI BAHARU BADAN BERKANUN BAWAH KEMENTERIANNYA, BH -ONLINE FAIZ, MAHFUZ DILANTIK PENERUSI BADAN BERKANUN KPKM, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE MAHFUZ OMAR PENERUSI LPP, FAIZ FADZIL PULA DI LKIM, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE KETERJAMINAN MAKANAN JADI SATU JIHAD BAHARU BAGI NEGARA - FAIZ, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE MAHFUZ DILANTIK PENERUSI LPP, FAIZ FADZIL PENERUSI LKIM, ASTRO AWANI -ONLINE 5 PAKATAN HARAPAN LEADERS APPOINTED AS CHAIRS OF AGRICULTURE DEPARTMEN'S AGENCIES, NATION, CHINA PRESS -A9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
7. 8. 9. 10. 11.	'LEMBU MATI MAKAN RACUN DALAM TEMBIKAI', NEGARA, KOSMO -15 DUA LEMBU MATI DIRACUN, NEGERI KELANTAN, SH -27 PENTERNAK AYAM MINTA BERI SUBSIDY SAMA RATA, NASIONAL, BH -8 PERAK POULTRY FARMING ENACTMENT TO BE AMENDED, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2 2 COWS FOUND DEAD FROM POISONING, NEWS, NST -10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
12. 13. 14. 15. 16.	EL NINO TAK JEJAS PENANAMAN PADI, NEGARA, KOSMO -15 MADA BERI JAMINAN EL NINO TAK JEJAS PENANAMAN PADI, DALAM NEGERI, UM -9 MADA JAMIN TANAMAN PADI TAK TERJEJAS, NASIONAL, BH -16 MADA BERI JAMINAN CUACA KERING TIDAK JEJAS TANAMAN PADI, NASIONAL, SH -8 KAWASAN MUDA TAK TERJEJAS DEK EL-NINO, LOKAL, HM -12	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
17.	NATION, NST -7	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
18.	LKIM JUAL IKAN TANPA PERAIH, DALAM NEGERI, UM -5	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
19. 20. 21.	PENGELUARAN CENDAWAN TIRAM MEROSOT, NASIONAL, SH -8 BEKALAN AIR TANAMAN PADI DI TERENGGANU CUKUP, LOKAL, HM -12 IKAN MAHAL: DULU SATU TONG RM80, SEKARANG SAMPAI RM200, DALAM NEGERI, UM -5	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2023	BERITA HARIAN	ONLINE	

Mat Sabu umum 5 pengerusi baharu badan berkanun bawah kementeriannya



Mahfuz (kanan) dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) manakala Muhammad Faiz sebagai Pengerusi LKIM

PUTRAJAYA: Bekas Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar, dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) berkuat kuasa Isnin ini.

Selain Mahfuz, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil, pula dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Turut dilantik ialah Sheikh Umar Bagharib Ali sebagai Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Dr Azman Ismail sebagai Pengerusi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta Aminuddin Zulkipli sebagai Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Semua pelantikan itu diumumkan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu menerusi satu kenyataan hari ini.

"Sukacita dimaklumkan bahawa pelantikan pengerusi bagi lima Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), dipersetujui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Pelantikan ini berdasarkan pengalaman luas mereka dalam pelbagai bidang termasuk dasar, pengurusan, pentadbiran dan perkhidmatan. Semua pelantikan ini berkuat kuasa 15 Mei 2023," katanya.

Mohamad berkata, beliau yakin dengan pengetahuan, kredibiliti dan pengalaman dimiliki mereka dalam menerajui serta menggalas amanah dan tanggungjawab dalam menyokong memastikan pembaharuan selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

"Tahniah saya ucapkan kepada semua yang dilantik," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2023	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Faiz, Mahfuz dilantik pengerusi badan berkanun KPKM



fb Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengumumkan pelantikan lima Pengerusi Badan Berkanun hari ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pelantikan itu telah dipersetujui

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan pelantikan berkuatkuasa 15 Mei depan.

Antara yang dilantik adalah Datuk Mahfuz Omar sebagai Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Aminuddin Zulkipli sebagai Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Dr. Azman Ismail sebagai Pengerusi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Sheikh Umar Bagharid Ali sebagai Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM).

Seorang lagi adalah Muhammad Faiz Fadzil yang dilantik semula sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Muhammad Faiz pernah menjawat jawatan sama pada 2018 lalu di bawah kerajaan Pakatan Harapan (PH) pimpinan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

“Pelantikan ini berdasarkan pengalaman luas mereka dalam pelbagai bidang termasuk dasar, pengurusan, pentadbiran dan perkhidmatan.

“Saya yakin dengan pengetahuan, kredibiliti dan pengalaman yang dimiliki oleh mereka dalam menerajui dan mengalas amanah serta tanggungjawab dalam menyokong dan memastikan pembaharuan selari dengan aspirasi Malaysia MADANI,” kata Mohamad. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2023	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Mahfuz Omar Pengerusi LPP, Faiz Fadzil pula di LKIM



Kredit foto FB Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) hari ini mengumumkan pelantikan pengerusi baharu bagi lima badan berkanun di bawah kementerian itu, berkuat kuasa 15 Mei ini.

Mereka ialah Muhammad Faiz Fadzil sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM); Datuk Mahfuz Omar sebagai Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP); Aminuddin Zulkipli sebagai Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA); Dr Azman Ismail sebagai Pengerusi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI); dan Sheikh Umar Bagharid Ali sebagai Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM).

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu dalam kenyataan hari ini berkata pelantikan tersebut adalah berdasarkan pengalaman luas mereka dalam pelbagai bidang termasuk dasar, pengurusan, pentadbiran dan perkhidmatan.

“Saya yakin dengan pengetahuan, kredibiliti dan pengalaman yang dimiliki oleh mereka dalam menerajui dan menggalas amanah serta tanggungjawab dalam menyokong dan memastikan pembaharuan selari dengan aspirasi Malaysia MADANI,” katanya.

Pelantikan itu, katanya, dipersetujui Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

— BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2023	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Keterjaminan makanan jadi satu jihad baharu bagi negara – Faiz



Faiz Fadzil

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MOA) dilihat berjaya memastikan bekalan ayam dan telur mencukupi bagi keperluan rakyat sepanjang tempoh enam bulan pertama pentadbiran kerajaan.

Pengerusi Biro Pertanian dan Keterjaminan Makanan Parti Amanah Negara (Biro), Faiz Fadzil berkata, kementerian yang diterajui menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu itu telah banyak berusaha ke arah keselesaan rakyat.

Kata beliau, ianya tidak akan berjaya tanpa usaha bersepadu bersama warga MOA dan juga beberapa agensi di bawahnya.

“Kita yakin dengan kepimpinan Mohamad dan seluruh jentera kementerian akan berusaha keras untuk mengukuhkan sektor pertanian negara yang terabai dalam dua tahun lepas dan seterusnya membantu menangani kos sara hidup.

“Oleh itu, biro mencadangkan tiga harapan utama untuk dicapai oleh MOA dalam tempoh lima tahun akan datang,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Pihaknya mencadangkan supaya pelaburan berintensiti tinggi untuk dibawa masuk ke dalam sektor pertanian yang mana kerajaan memerlukan ladang dikendalikan menerusi automasi dan robotik di seluruh negara.

Untuk itu, ujar beliau, kerajaan harus menggalakkan penglibatan syarikat AgriTech dan pelabur antarabangsa melalui pelbagai insentif bagi memudahkan proses menjalankan perniagaan.

“Di samping itu, dengan konsep pertanian dalam bangunan dan *vertical farming*, kita boleh menghasilkan tanaman di tengah bandar besar seperti Kuala Lumpur untuk memenuhi permintaan tempatan.

“Kedua, biro mencadangkan agar konsep “Satu Zon Hijau, Satu Daerah” diperkenalkan dengan tanah terbiar harus dibangunkan dan ditukar kepada tanah pertanian untuk tanaman yang sesuai.

“Dengan kerjasama pihak swasta, konsep ini bukan sahaja boleh memudahkan penduduk tempatan mendapatkan bekalan makanan terutama sayur-sayuran pada harga berpatutan, malah mewujudkan peluang pekerjaan untuk penduduk setempat,” katanya.

Faiz berkata, pada masa sama, diharapkan kerajaan dapat meluluskan lesen tanah dengan tempoh lebih panjang kepada usahawan agro di seluruh negara.

Ini akan memberikan keyakinan kepada usahawan agro untuk melabur dan mengembangkan operasi mereka.

Ketiga, katanya, biro mencadangkan Kementerian memperkenalkan insentif dan bimbingan lebih berstruktur untuk menarik minat anak muda dalam sektor pertanian.

“Berdasarkan data sedia ada, hanya 15 peratus ahli Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) berumur bawah 40 tahun. Kita memerlukan penglibatan anak muda yang lebih baik namun mereka tidak akan berkecimpung dalam bidang ini jika gaji masih rendah dan tidak ada prospek kerjaya yang lebih baik.

“Oleh itu, sektor pertanian memerlukan perubahan struktur berteraskan teknologi pintar yang dapat mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi kepada anak muda.


“Semoga dalam tempoh lima tahun ini, sektor pertanian dalam negara ini akan meningkat dengan lebih baik dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang mampan dan keadaan sosioekonomi golongan petani lebih terjaga,” ujarinya.

Keterjaminan makanan, katanya, menjadi satu jihad baharu bagi negara dan biro akan menyokong setiap idea serta menteri dalam menerajui Kementerian yang cukup mencabar ini.

Kata beliau, sektor pertanian memerlukan satu reformasi yang utuh supaya menjadi satu sektor ekonomi yang lebih produktif dan inovatif. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2023	ASTRO AWANI	ONLINE	

Mahfuz dilantik Pengerusi LPP, Faiz Fadzil pengerusi LKIM



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu mengumumkan pelantikan Mahfuz menerusi satu kenyataan media pada Rabu. - Gambar fail

KUALA LUMPUR: Bekas Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) berkuat kuasa 15 Mei nanti.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu mengumumkan pelantikan Mahfuz menerusi satu kenyataan media pada Rabu.

Selain Mahfuz, Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Pelantikan ini berdasarkan pengalaman luas mereka dalam pelbagai bidang termasuk dasar, pengurusan, pentadbiran, dan perkhidmatan.

"Saya yakin dengan pengetahuan, kredibiliti dan pengalaman yang dimiliki oleh mereka dalam menerajui dan mengalas amanah serta tanggungjawab dalam menyokong dan memastikan pembaharuan selari dengan aspirasi Malaysia Madani," katanya.

Dalam kenyataan itu, Mohamad turut mengumumkan pelantikan bekas ADUN Behrang Aminuddin Zulkipli sebagai Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

Bekas Ahli Parlimen Kuala Kedah, Dr Azman bin Ismail dilantik sebagai Pengerusi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) manakala bekas ADUN Paloh, Sheikh Umar Bagharid Ali dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM).

Headline	5 Pakatan Harapan leaders appointed as chairs of agriculture department's agencies		
MediaTitle	China Press		
Date	11 May 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A9	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	193 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,807
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,421



■莫哈末沙布（左4）颁发委任状给5名希盟领袖：左起为阿兹曼、法依兹、马夫兹、阿米鲁丁及谢奥马。

農業部旗下機構 5希盟領袖受委主席

（布城10日讯）团结政府再有政治委任，农业及食品安全部今日宣布，委任5名希盟领袖出任旗下机构主席，其中行动党中委谢奥马出任黄梨工业局主席。

另外，诚信党副主席马夫兹出任农民组织局主席、诚信党中委法依兹担任渔业发展局主席、诚信党霹雳美冷州议员阿米鲁丁担任联邦农业销售局主席，以及公正党瓜拉吉打前国会议员阿兹曼出任农业研究院主席。

农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布在文告说，上述5人的任期是从5月15日起生效。

他解释，5人是因为在各项领域，如政策制定、管理、行政、服务等，有著广泛经验而受委。

“我对他们所拥有的知识、信誉、经验充满信心，他们将能够履行自身职责，支持并确保发展，符合昌明大马的展望。”



ANGGOTA polis sedang menjalankan siasatan berhubung kejadian dua ekor lembu (gambar kecil) mati diracun di dalam kebun getah di kampung Pangkal Mak Wan, Machang pada Isnin lalu. - IHSAN POLIS

'Lembu mati makan racun dalam tembikai'

MACHANG - Seorang penternak mengalami kerugian kira-kira RM10,000 apabila dua ekor lembu miliknya mati dipercayai akibat perbuatan khianat selepas ternakan buah tembikai yang dilarakkan racun atau baja tanaman di Kampung Pangkal Mak Wan, di sini Isnin lalu.

Pemilik lembu yang berusia 40 tahun itu menyedari kejadian tersebut kira-kira pukul 5.30 petang semasa membawa lembu-lembu masuk ke kandang sebelum melihat dua ekor haiwan peliharaan terbaring dan lemah.

Ketua Polis Daerah Machang, Superintendan Mohd. Adli Mat Daud berkata, siasatan awal mendapati, lembu terbabit sebelum itu dipercayai berkelakuan dan memakan tanaman pen-

dukt kampung.

"Pemilik haiwan itu mendapati ada separuh bahagian buah tembikai berada di atas tanah. Pemeriksaan lanjut mendapati, terdapat biji-biji berwarna putih di dalam buah tembikai kerana dipercayai baja tanaman.

"Baja itu juga dipercayai menyebabkan dua ekor lembu itu mati selepas memakan buah tembikai tersebut," katanya dalam kenyataan semalam.

Ujarnya, Pegawai Veterinar telah menjalankan pemeriksaan dan mengambil beberapa organ dalam lembu sebagai sampel untuk dihantar ke Jabatan Kimia.

Katanya, polis sedang mengesan suspek terlibat dan kes disiasat mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksan kerana melakukan khianat terhadap haiwan.

MADA beri jaminan, takungan empangan cukup

El Nino tak jejas penanaman padi

Oleh JAMLI AH ABDULLAH

ALOR SETAR - Lembaga Kema-juan Pertanian Muda (MADA) memberi jaminan fenomena El Nino atau cuaca kering tidak akan menjejaskan aktiviti penanaman padi bagi musim pertam tahun ini.

MADA dalam kenyataan semalam memaklumkan, status keseluruhan takungan empangan di Kawasan Muda berada pada tahap baik dan mencukupi bagi menampung keperluan aktiviti tanaman padi.

"Kapasiti takungan Empangan Pedu ialah 71.89 peratus, Empangan Muda (55 peratus) dan Empangan Ahning (97.47 peratus).

"Jumlah takungan ketiga-tiga empangan adalah sebanyak 370,327 hektar mampu untuk memenuhi keperluan sumber air pengaliran musim 1/2023," katanya.

Menurutnya, sehingga hari ini, status kemaju aktiviti penyiediaan tanah bagi musim penanaman padi itu tidak terjejas.

"Ta tidak terjejas walaupun jumlah turutan hujan di Kawasan Muda bagi tempoh Januari hingga awal Mei ini merekodkan bacaan lebih rendah iaitu 343 milimeter (mm) berbanding purata turutan hujan 20 tahun iaitu 439 mm," ujarnya.

Katanya, MADA sentiasa peka dengan cuaca semasa dan berada dalam keadaan siap sia-

ga sekiranya berlaku keadaan El-Nino seperti mana ramalan cuaca dan amaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

"Pada masa sama, MADA turut mengambil langkah berjaga-jaga sepanjang fenomena El Nino dengan memaksimumkan penggunaan stesen pam guna semula bagi menjimatkan air dari empangan dan pengoperasian pam bergerak untuk membekalkan air ke kawasan tanah tinggi dan tanah bermasalah," katanya.

Tambahnya, para petani juga dinasihatkan supaya mempercepat aktiviti dan mematuhi jadual penanaman padi yang dikeluarkan.



PARAS takungan Empangan Ahning di Padang Terap mampu untuk memenuhi keperluan sumber air pengaliran bagi penanaman padi musim pertama tahun ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2023	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	27

Dua lembu mati diracun

MACHANG - Dua lembu ditemukan mati dipercayai akibat diracun di Kampung Pangkal Mak Wan di sini pada Isnin.

Ketua Polis Daerah Machang, Superintenden Mohd Adli Mat Daud berkata, penternak menyedari kejadian itu pada jam 5.30 petang apabila terjumpa biji-biji berwarna putih dipercayai baja yang digunakan untuk meracun ternakannya.

Menurut beliau, lelaki itu kemudian membuat laporan polis bagi menyasat kejadian itu.

"Pengadu pergi ke tempat ternakan lembu miliknya untuk menghambat lembu-lembu masuk balik ke dalam kandang.

"Dia mendapati dua lembu dalam keadaan terbaring dipercayai selepas memakan buah yang diletak racun," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini pada Rabu.

Mohd Adli berkata, hasil pemeriksaan polis di sekitar lokasi berhampiran menjumpai separuh buah tembikai berada di atas tanah di kawasan kejadian.

"Pemeriksaan lanjut mendapati terdapat biji-biji berwarna putih dalam buah tembikai tersebut dipercayai baja yang berkemungkinan penyebab kematian lembu tersebut.

"Pegawai Veterinar menjalankan pemeriksaan dan mengambil beberapa organ dalam lembu sebagai sampel untuk dihantar ke Jabatan Kimia," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan kerana melakukan khianat dan membunuh haiwan.



Polis menjalankan siasatan di lokasi lembu ditemukan mati di Kampung Pangkal Mak Wan.

11/5/2023

BERITA
HARIAN

NASIONAL

8

Penternak ayam minta beri subsidi sama rata

Selangor didakwa
kehilangan
bekalan hampir
600,000 setahun

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
bhnews@bh.com.my

Kuala Selangor: Selangor didakwa kehilangan bekalan ayam hampir 600,000 ekor setahun apabila penternak 'gulung tikar' ke-

rana tidak mampu menanggung kos operasi.

Sehubungan itu, kerajaan diminta mempertimbangkan semula pembahagian subsidi kepada penternak ayam daging dan syarikat pembekal dengan nisbah 50-50.

Kedadaan lebih rumit apabila pembahagian subsidi kerajaan 80 sen untuk seekor ayam tidak sama rata dengan 70 sen kepada syarikat pembekal, manakala ba-

ki 10 sen kepada penternak. Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Selangor, Muzamri Shuib, berkata ketika ini pihak-



Muzamri (tengah) bersama wakil dan ahli persatuan penternak ayam pada sidang media selepas majlis rumah terbuka di Kuala Selangor, semalam. (Foto Amirul Aiman Hamsuddin/BH)

nya ada 71 penternak berdaftar dengan 20 peratus daripadanya terkesan dan 'gulung tikar'. Beliau berkata, musim pengeluaran ayam turut berkurangan kepada empat musim berbanding tujuh sebelum ini.

"Dalam penternakan ayam daging, penternak paling berisiko tinggi. Syarikat pembekal lebih awal mendapat untung daripada hasil jualan makanan ayam, anak ayam, ubat-ubatan dan jualan ayam.

"Mereka untung menerusi empat sumber ini sedangkan pen-

ternak hanya dapat keuntungan jualan ayam 'hidup,' katanya pada sidang media selepas majlis rumah terbuka di sini, semalam.

Beliau berkata, langkah pembahagian subsidi dalam konsep menang-menang wajar dilaksanakan.

"Perkara ini berulang kali dipanjangkan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, tetapi tidak mendapat maklum balas.

"Ini membuatkan penternak kecewa, sekali gus menjejaskan operasi dan pembekalan bukan sahaja di Selangor, tetapi juga seluruh negara," katanya.

Berdepan pelbagai kos

Muzamri berkata, penternak ayam daging turut berdepan pelbagai kos seperti tanah, penyenggaraan reban dan operasi.

"Penternak juga berdepan kos kebenaran merancang, cukai kerajaan tempatan dan pelbagai agensi lain, selain sukar mendapatkan pekerja dalam bidang penternakan serta pekerja yang

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2023	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	2

Perak Poultry Farming Enactment to be amended

IPOH: An amendment to the Perak Poultry Farming Enactment 2005 that seeks to impose higher penalties on farmers in the state who pollute the environment will be tabled at the state assembly meeting from May 22 to 26.

Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad expressed hope that the amendment would resolve issues involving breeders, including poultry farming in Manjung that has caused a problem of flies.

"We will table the amendment to the enactment at the next state legislative assembly session. We hope that we can curb the problem of flies, and enable proper faeces management at chicken farms."

He was speaking after attending a Hari Raya Aidilfitri gathering at the Perak Darul Ridzuan Building yesterday.

Residents in Bandar Baru Setia Awan Perdana, Sitiawan, had pleaded for the intervention of the menteri besar following the increased presence of flies in their area, videos of which were widely circulated on TikTok.

The problem that is plaguing the area as well as Lumut, Pengkalan Baharu, Beruas and Lekir has been attributed to unlicensed chicken farms at the locations.

Saarani said the issue was also caused by oil palm farmers who were using chicken manure as fertiliser.

He added that the situation was made worse when manuring was not properly managed, thus attracting flies.

The state Poultry Farming Enactment 2005 provides for a fine not exceeding RM10,000 or imprisonment not exceeding one year, or both, against offenders. - Bernama

POISONED WATERMELON

2 cows found dead from poisoning

SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH
MACHANG
news@nst.com.my


IF Cherating in Pahang has someone poisoning dogs, over here it is cows that are suffering.

Two of the animals have been found dead after eating what was believed to be poisoned watermelon.

District police chief Superintendent Mohd Adli Mat Daud said the incident happened at a farm in Kampung Pangkal Mak Wan in Machang, on Monday.

He said police received a report on the incident at about 11.20am.

"In the report lodged by the owner of the cattle, he claimed that he went to his farm about 5.30pm on Monday to take sev-



One of the two cows that were found dead in Kampung Pangkal Mak Wan, Machang, on Monday. PIC COURTESY OF POLICE

eral of his cows back to the barn. "When he got there, he saw two cows on the verge of death after eating watermelon.

"He suspected that the cows were poisoned," Adli said in a statement.

Adli said initial investigations found that there was watermelon all around the area, with some having been partially eaten by the cows.

"Veterinary Services Department officers have taken organ samples from the dead cows. The samples will be sent to the Chemistry Department for analysis."

He said the case was being investigated under Section 428 of the Penal Code for mischief by killing or maiming animals.

On Sunday, the *New Straits Times* reported that at least 11 dogs have been found poisoned to death on popular Cherating beach between December last year and March 22 this year, with two other dogs reported to be missing.

The dogs were believed to have died after consuming poisoned chicken meat placed near the restaurants along the beach section.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

MADA beri jaminan El Nino tak jejas penanaman padi

ALOR SETAR: Lembaga Kema-
juan Pertanian Muda (MADA)
memberi jaminan fenomena
El-Nino atau cuaca kering yang
dijangka berlaku pada bulan ini
tidak akan menjejaskan aktiviti
tanaman padi Musim Pertama
(1/2023) di Kawasan Muda.

MADA dalam satu kenyataan
memberitahu, status keseluru-
han takungan empangan di ka-
wasan Muda berada pada tahap
baik dan mencukupi bagi me-
nampung keperluan aktiviti tana-
man padi bagi musim berkenaan.

Katanya, kapasiti takungan
Empangan Pedu adalah 71.89
peratus; Empangan Muda (55
peratus) dan Empangan Ahning
(97.47 peratus).

"MADA sentiasa mengutama-
kan kepentingan aktiviti tana-
man padi dan sentiasa meman-
tau keadaan cuaca semasa serta
pelaksanaan kemajuan aktiviti di
peringkat sawah bagi memasti-
kan bekalan air dapat diagihkan

dengan sempurna mengikut fasa
yang ditetapkan serta memas-
tikan penanaman padi Musim
1/2023 berjalan lancar.

"Jumlah takungan ketiga-
tiga empangan adalah sebanyak
370,327 hektar adalah mampu un-
tuk memenuhi keperluan sumber
air pengairan Musim 1/2023.

"Sehingga hari ini, status
kemajuan aktiviti penyediaan
tanah bagi musim itu tidak ter-
jejas walaupun jumlah turunan
hujan di Kawasan Muda bagi
tempoh Januari sehingga awal
Mei merekodkan bacaan lebih
rendah iaitu 343 mm berban-
ding purata turunan hujan 20
tahun iaitu 439mm," katanya di
sini semalam.

Katanya, MADA sentiasa peka
dengan cuaca semasa dan be-
rada dalam keadaan siap siaga
sekiranya berlaku keadaan El-
Nino seperti ramalan cuaca dan
amaran yang dikeluarkan oleh
Jabatan Meteorologi Malaysia.

MADA jamin tanaman padi tak terjejas

Kuala Lumpur: Dua kawasan tanaman padi dijangka tidak terjejas walaupun berlaku kekurangan bekalan air akibat musim panas.

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) memberi jaminan fenomena El Nino atau cuaca kering yang dijangka berlaku bulan ini tidak akan menjejaskan tanaman padi Musim Pertama kawasan Muda.

MADA dalam kenyataan maulumkan, status takungan empangan di kawasan Muda berada pada tahap baik dan mencukupi bagi menampung keperluan tanaman padi bagi musim itu.

"Sehingga hari ini, jumlah takungan Empangan Pedu sebanyak 71.89 peratus, Empangan Muda 55 peratus dan Empangan Ahning 97.47 peratus.

"Jumlah takungan ketiga-tiga empangan sebanyak 370,327 hektar ini mampu untuk memenuhi keperluan sumber air pengairan musim ini," katanya.

Menurut kenyataan itu, setakat ini, status kemajuan penyediaan tanah tidak terjejas wa-

laupun jumlah hujan di kawasan terbabit bagi tempoh Januari hingga awal Mei, lebih rendah iaitu 343 milimeter (mm), berbanding purata turutan hujan 20 tahun iaitu 439 mm.

Bagaimanapun, katanya, MADA sentiasa peka dengan perubahan cuaca semasa dan berada dalam keadaan siap siaga jika fenomena El Nino berlaku seperti yang diramalkan Jabatan Meteorologi (METMalaysia).

METMalaysia baru-baru ini meramalkan fenomena El Nino akan melanda negara pada bulan ini hingga Julai, dengan kebarangkalian 62 peratus.

Menurutnya, jika El Nino berlaku, MADA akan memastikan bekalan air dapat diagihkan dengan sempurna mengikut fasa yang ditetapkan dan memastikan stesen pam guna semula bagi menjimatkan air dari empangan.

Selain itu, katanya, operasi pam bergerak untuk membekalkan air ke kawasan tanah tinggi dan tanah bermasalah.

Pada masa sama, pesawah dinasihatkan supaya mempercepat

aktiviti dan mematuhi jadual penanaman padi yang ditetapkan.

"Kerjasama mereka menguruskan air pada peringkat sawah secara berhemat penting bagi memastikan bekalan air dapat diagihkan dengan sempurna dan mengelakkan pembaziran," katanya.

Bekalan air mencukupi

Sementara itu di Kuala Terengganu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perlindungan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim, berkata tanaman padi di Terengganu tidak terjejas walaupun berlaku cuaca panas.

Katanya, bekalan air bagi tanaman padi di seluruh negeri mencukupi bagi memastikan kesinamburan tanaman, walaupun berdepan kemarau.

Beliau berkata, persiapan awal, termasuk kerja menaik taraf sistem pengairan dan saliran padi sawah di negeri itu tidak mengalami sebarang gangguan.

"Kerajaan negeri sudah melaksanakan kerja menaik taraf sis-

tem pengairan dan saliran bagi membolehkan kawasan sawah padi mendapat bekalan air yang mencukupi walaupun berdepan kemarau yang panjang.

"Usaha ini turut dibantu dengan peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan," katanya.

Azman, yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Jabi, berkata jumlah keluasan kawasan penanaman padi di negeri itu ialah 12,542 hektar, termasuk 5,323 hektar kawasan dalam jelapang dan 7,221 hektar bagi kawasan luar jelapang.

Katanya, purata pengeluaran padi ialah lima tan bagi setiap satu hektar untuk kawasan dalam jelapang padi, manakala bagi kawasan luar jelapang, purata pengeluaran hasil antara tiga tan dan empat tan bagi setiap hektar.

"Bagi memastikan infrastruktur sawah padi terutama sistem pengairan tidak mengalami sebarang gangguan, kita melancarkan RM2.5 juta bagi projek pembangunan padi pada 2021 dan RM700,000 pada tahun lalu," katanya.

Pengeluaran cendawan tiram merosot

PONTIAN - Cuaca panas yang melanda negara ketika ini menjelaskan hasil pengeluaran cendawan tiram sehingga menjelaskan pendapatan pekebun.

Pengusaha Cendawan Saifulam Agro Farm, Noor Saiful Amri Suloh berkata, keadaan cuaca panas ketika ini turut mengakibatkan permukaan cendawan kering dan kualitinya merosot.

Jelasnya, dia kini memiliki empat rumah cendawan dengan anggaran 40,000 bongkah cendawan.

"Sebelum ini, sekurang-kurangnya 20 kilogram (kg) cendawan tiram akan dipetik setiap hari, namun ia merosot kepada 8kg sejak sebulan lalu. Saya anggar kerugian sekitar RM2,000.

"Cendawan tiram perlu keadaan lembab untuk pertumbuhan, namun keadaan cuaca yang panas menyebabkan bongkah cendawan

menjadi kering dan tidak dapat mengeluarkan hasil," katanya.

Noor Saiful mengakui cuaca panas kali ini memberi cabaran besar sepanjang 12 tahun mengusahakan tanaman cendawan tiram di Kampung Parit Hassan Benut.

"Musim panas sejak awal April, pernah mencecah suhu 34 darjah Celsius. Ini kali pertama saya berdepan suhu panas sebegini, sebelum ini suhu paling tinggi sekitar 30 darjah Celsius sahaja.

"Disebabkan hasil pengeluaran kurang, bekalan cendawan kepada pelanggan terutama pengusaha kedai makan juga terpaksa dicatu dengan harga jualan sekitar RM12 sekilogram," katanya.

Tambahnya lagi, bagi memastikan tanaman cendawan tiram bertahan, dia perlu kerap menyiram sekitar kawasan tanaman bagi memastikan ia lembap dan anak cendawan baharu kekal tumbuh.



Saiful Amri menunjukkan cendawan tiram yang kering akibat cuaca panas ketika ini.

MADA beri jaminan cuaca kering tidak jejas tanaman padi

ALOR SETAR - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) memberi jaminan fenomena El Nino atau cuaca kering yang dijangka berlaku pada bulan ini tidak akan menjejaskan aktiviti tanaman padi musim 1/2023 di kawasan Muda.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Cawangan Komunikasi Korporat MADA, sumber air utama pengairan padi bagi musim 1/2023 adalah daripada pelepasan empangan dan bekalan air pengairan adalah mencukupi mengikut fasa pengairan Jadual Penanaman Padi Musim 1/2023.

Katanya, sehingga Rabu, jumlah takungan Empangan Pedu adalah sebanyak 71.89 peratus. Empangan Muda 55 peratus dan Empangan Ahning 97.47 peratus.

"Jumlah takungan ketiga-tiga empangan sebanyak 370.327 hektar adalah mampu untuk memenuhi keperluan sumber air pengairan musim ini," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Menurut kenyataan tersebut, setakat ini status kemajuan aktiviti penyediaan tanah tidak terjejas walaupun jumlah turutan hujan di kawasan Muda bagi tempoh



Paras takungan Empangan Ahning mencatatkan 97.47 peratus kapasti pada Rabu.

Januari sehingga awal Mei merekodkan bacaan lebih rendah iaitu 343mm berbanding purata turutan hujan 20 tahun iaitu 439mm.

"Bagaimanapun, MADA sentiasa peka dengan perubahan cuaca semasa dan berada dalam keadaan siap siaga sekiranya berlaku keadaan El Nino seperti ramalan cuaca dan amaran yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia.

"MADA akan sentiasa mengutamakan kepentingan aktiviti tanaman padi dan memantau pelaksanaan kemajuan an aktiviti di peringkat sawah bagi memastikan bekalan air dapat diagihkan dengan sempurna mengikut fasa yang ditetapkan," katanya.

Ujar kenyataan itu lagi, MADA dalam masa sama, turut mengambil langkah berjaga-jaga sepanjang fenomena El Nino dengan memaksimumkan penggunaan stesen pam guna semula bagi menjimatkan air dari empangan dan pengoperasian pam bergerak untuk membekalkan air ke kawasan tanah tinggi dan tanah bermasalah.

"Pesawah juga dinasihatkan supaya mempercepatkan aktiviti dan mematuhi jadual penanaman padi yang telah dikeluarkan," katanya.

Tambah kenyataan itu, pesawah disyorkan untuk menjalankan putaran basah serta aktiviti penanaman mengikut fasa yang telah ditetapkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2023	HARIAN METRO	LOKAL	12

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) yakin fenomena El-Nino atau cuaca kering yang dijangka berlaku Mei ini tidak akan menjejaskan aktiviti tanaman padi Musim Pertama (1/2023) di Kawasan Muda.

Mada dalam kenyataan semalam berkata status keseluruhan takungan empangan di kawasan Muda berada pada tahap baik dan mencukupi bagi menampung keperluan aktiviti tanaman padi bagi musim pertama tahun ini.

"Sehingga hari ini, jumlah takungan Empangan Pedu adalah 71.89 peratus, Empangan Muda 55 peratus dan Empangan Ahning 97.47 peratus.

"Jumlah takungan ketiga-tiga empangan sebanyak 370.327 hektar adalah mampu untuk memenuhi keperluan sumber air pengairan musim ini," katanya.

Menurut kenyataan itu, setakat ini status kemajuan aktiviti penyediaan tanah tidak terjejas walaupun jumlah hujan di Kawasan Muda bagi tempoh Januari sehingga awal Mei merekodkan bacaan lebih rendah iaitu 343

Kawasan Muda tak terjejas dek El-Nino

MADA yakin aktiviti tanaman padi Musim Pertama berjalan lancar



milimeter (mm) berbanding purata turunan hujan 20 tahun iaitu 439 mm.

Bagaimanapun katanya, Mada sentiasa peka dengan perubahan cuaca semasa

dan berada dalam keadaan siap siaga sekiranya berlaku keadaan El Nino seperti ramalan cuaca dan amaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia

(MetMalaysia).

"Mada akan sentiasa mengutamakan kepentingan aktiviti tanaman padi dan sentiasa memantau pelaksanaan kemajuan aktiviti di peringkat sawah.

Mada akan sentiasa mengutamakan kepentingan aktiviti tanaman padi dan sentiasa memantau pelaksanaan kemajuan aktiviti di peringkat sawah.

Mada dalam masa sama



Pesawah juga dinasihatkan supaya mempercepatkan aktiviti dan mematuhi jadual penanaman padi yang sudah dikeluarkan"

Kenyataan Mada

turut mengambil langkah berjaga-jaga sepanjang fenomena El-Nino dengan memaksimumkan penggunaan stesen pam guna semula bagi menjimatkan air dari empangan dan pengoperasian pam bergerak untuk membekalkan air ke kawasan tanah tinggi dan tanah bermasalah.

"Pesawah juga dinasihatkan supaya mempercepatkan aktiviti dan mematuhi jadual penanaman padi yang sudah dikeluarkan.

"Mereka disyorkan untuk menjalankan putaran basah serta aktiviti penanaman mengikut fasa yang telah ditetapkan.

"Kerjasama peladang menguruskan air di peringkat sawah secara berhemah adalah penting bagi memastikan bekalan air dapat diagihkan dengan sempurna dan mengelakkan pembaziran," katanya.

Bekalan air tanaman padi di Terengganu cukup

Kuala Terengganu: Bekalan air bagi tanaman padi di seluruh Terengganu cukup bagi memastikan kesuburan tanaman, malah tidak terjejas walaupun berdepan fenomena cuaca panas.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, persiapan awal termasuk kerja menaik taraf sistem pengairan dan saliran padi punca sawah di negeri ini tiada gangguan.

"Kerajaan negeri sudah melaksanakan kerja menaik taraf sistem pengairan dan saliran dalam sektor pertanian padi. Ia bagi membolehkan kawasan sawah padi mendapat bekalan air yang mencukupi walaupun berdepan kemarau.

"Usaha ini turut dibantu melalui peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan.

an," katanya kepada media di pejabatnya, semalam. Azman yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (Adun) Jabi berkata, jumlah keluasan kawasan penanaman padi di Terengganu adalah seluas 12,542 hektar.

Ia membabitkan 5,323 hektar kawasan dalam jelapang dan 7,221 hektar bagi kawasan luar jelapang.

Kata Dr Azman, purata pengeluaran hasil ialah lima tan metrik bagi setiap satu hektar untuk kawasan dalam jelapang.

Bagi kawasan luar jelapang, ia membabitkan tiga tan metrik hingga empat tan metrik.

"Dalam usaha untuk memastikan infrastruktur sawah padi, terutamanya sistem pengairan tidak mengalami gangguan, kita membelanjakan RM2.5

juta bagi projek pembangunan padi pada 2021 dan RM700,000 pada tahun lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2023	NST	NATION	7



Kemubu Agricultural Development Authority general manager Mohd Faizul Mustafa (left) checking a portable mini pump for padi field irrigation during the dry season in Kampung Belukar, Bachok, yesterday. PIC BY NIK ABDULLAH NIK OMAR

LKIM jual ikan tanpa peraih

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

Jualan "Dati Nelayan Terus Ke Dapur" agar pengguna dapat menikmati hasil laut yang segar, menjadi salah satu program yang dijalankan oleh LKIM.

Menurut beliau, pihaknya turut menemakan semula Program Ikan Rakyat LKIM yang diperkenalkan bermula 2013 dengan kini memperkenalkan produk QFSH bagi menyahut permintaan pengguna.

Dalam usaha itu, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) membentangkan dan menawarkan bilangan Pasu Nelayan demi memendekkan rantai pemasaran serta gus membantu nelayan.

"Dati Nelayan Terus Ke Dapur" ini adalah program yang dijalankan oleh LKIM untuk memastikan pengguna dapat menikmati hasil laut yang segar.

Menurut beliau, pihaknya turut menemakan semula Program Ikan Rakyat LKIM yang diperkenalkan bermula 2013 dengan kini memperkenalkan produk QFSH bagi menyahut permintaan pengguna.

Dalam usaha itu, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) membentangkan dan menawarkan bilangan Pasu Nelayan demi memendekkan rantai pemasaran serta gus membantu nelayan.

Ikan mahal: Dulu satu tong RM80, sekarang sampai RM200



MELAKA: Tidak lawan di peringkat peraih dan pemborong dipercayai menjadi punca harga ikan semakin mahal di Melaka.

Tinjauan Utusan Malaysia di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Sejahtera (MBMSB) Bachang di sini mendapati rata-rata pembeli dan penjual yang ditemui mengeluh harga ikan naik mendadak sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Pembeli, Seri Dewi Dawa, 52, berkata harga ikan semakin meningkat ketika ini kerana selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat dan trend ini berterusan tanpa ada usaha daripada pihak berwajib untuk mengawalinya.

Ikan yang dibeli pembeli dia akan menjual kepada pemborong beberapa kedai untuk mencari harga lebih murah.

"Banyak tempat saya pergi tetapi harga tetap sama. Dulu ikan tenggiri RM28 sekilogram, sekarang RM30. Ikan kembung, makuloh kembung naik sehingga RM13 sekilogram berbanding RM8 sekilogram sebelum ini.

"Penjual memberi alasan mereka hanya mengikut harga pasaran. Kalau keadaan ini berterusan, saya terpaksa pergi ke pasar pun belum tentu boleh beli sekor ikan," katanya.

Sementara itu, penjual ikan, Jial Hassan, 50, mengakui ketidapan kawalan di peringkat peraih dan pemborong menyebabkan harga ikan melambung tinggi.

"Saya sebagai peniaga pun terkejut dengan kenaikan harga ikan. Sebelum ini, harga ikan yang saya jual RM180 tetapi sekarang telah naik kepada RM200 lings," katanya.

Sementara itu, penjual ikan, Jial Hassan, 50, mengakui ketidapan kawalan di peringkat peraih dan pemborong menyebabkan harga ikan melambung tinggi.

"Saya sebagai peniaga pun terkejut dengan kenaikan harga ikan. Sebelum ini, harga ikan yang saya jual RM180 tetapi sekarang telah naik kepada RM200 lings," katanya.

JALAL Hassan menyusun ikan jualannya di gerai di Pasar Besar MBMSB Bachang, Melaka. - UTUSAN/ MUHAMMAD SHAHIZAM TALALI